

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : Lisan

DARIPADA : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj
[Sungai Siput]

TARIKH : 8 APRIL 2015 (RABU)

SOALAN : Dr. Michael Jeyakumar Devaraj minta
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI
ASAS TANI menyatakan penyakit "kulat"
yang sedang menyerang pokok-pokok
pisang di beberapa kawasan di Malaysia.
Apakah punca penyakit itu dan apakah
cara untuk mengatasinya.

JAWAPAN :

Tuan Yang Dipertua,

Penyakit "Kulat" yang menyebabkan penyakit Layu Pisang di Malaysia adalah disebabkan oleh kulat *Fusarium oxysporum f.sp. cubense*. Kulat ini adalah kulat bawaan tanah dan memang tersebar meluas di dunia terutama di negara-negara tropika seperti Malaysia. Spora kulat ini boleh hidup di dalam tanah sehingga 30 tahun. Kulat ini akan membiak dan menyerang tanaman pisang di satu-satu kawasan penanaman pisang apabila populasinya meningkat dari musim ke musim.

Bagi mengatasi penyakit ini, petani dinasihatkan supaya tidak menanam pisang di kawasan yang sama untuk tempoh masa yang lama tetapi menggilirkan tanaman pisang dengan tanaman lain selepas beberapa musim atau tahun (2-3 tahun) supaya tiada '*build up inoculum*' kulat ini di dalam tanah. Penggunaan rawatan racun kimia adalah tidak berkesan dan tidak ekonomik.

Di samping itu, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga telah menggariskan pelan tindakan jangka panjang bagi mengatasi perkara ini terutamanya untuk kawalan perosak iaitu:

- (i) Meningkatkan pengesanan awal serangan perosak melalui kaedah automasi dan mekanisasi sistem pengawasan dan peramalan melalui adaptasi teknologi sedia ada dan terkini seperti *remote sensing* dan *computer modelling* bagi mengurangkan kebergantungan kepada tenaga manusia dalam kerja-kerja pengawasan.
- (ii) Meningkatkan penggunaan ICT dalam merekod data di lapangan.
- (iii) Meningkatkan kepakaran petani dalam kerja-kerja pengawasan perosak.
- (iv) Pencegahan serangan perosak tanaman dengan mengenal pasti kaedah pencegahan yang bersesuaian dan kaedah kawalan yang mesra alam serta lestari. *Ecological re-engineering* diterapkan juga dalam pertanian untuk mewujudkan ekosistem alam yang seimbang dan semulajadi.

- (v) Melaksanakan tindakan kawalan mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang diguna pakai bagi mengurangkan kerugian hasil.
- (vi) Mewujudkan kesedaran kepada *stakeholder* tentang kepentingan pencegahan perosak sebelum, semasa dan selepas serangan perosak melalui penghebahan media massa, media cetak dan media elektronik.